



- Foto hiasan

Langkah memperkasa Mahkamah Syariah



Oleh Prof Madya Dr Shamrahayu A Aziz

Share

(<https://www.facebook.com/sharer/sharer.php?u=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459708/langkah-memperkasa-mahkamah-syariah>)

Tweet

([https://twitter.com/intent/tweet?](https://twitter.com/intent/tweet?ref_src=twsrc%5Etfw&text=Langkah%20memperkasa%20Mahkamah%20Syariah&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459708/langkah-memperkasa-mahkamah-syariah)

[ref_src=twsrc%5Etfw&text=Langkah%20memperkasa%20Mahkamah%20Syariah&tw_p=tweetbutton&url=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459708/langkah-memperkasa-mahkamah-syariah](https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459708/langkah-memperkasa-mahkamah-syariah))

Share

(<https://plus.google.com/share?app=110&url=https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/08/459708/langkah-memperkasa-mahkamah-syariah>)

KEBEBASAN kehakiman ialah asas kepada keputusan yang adil. Persoalan yang cuba saya rungaikan dalam tulisan ini ialah, adakah mahkamah Syariah mempunyai sokongan atau jaminan perundangan yang lengkap dan kukuh berkaitan kebebasan kehakiman?

Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi, iaitu kes mengenai semakan kehakiman prosedur pemelukan Islam seorang bayi berusia 11 bulan oleh bapanya yang memeluk agama Islam, menyentuh isu kebebasan kehakiman di Mahkamah Syariah.

Saya merujuk kepada obiter dictum dalam alasan penghakiman (keputusan) Mahkamah Persekutuan itu. (Obiter dictum atau obiter dicta ialah sesuatu yang dikemukakan secara sambil lalu atau incidental pada sesuatu perkara dan tidak mengikat kes lain pada masa depan).

Perenggan 63 alasan penghakiman itu menyatakan, "The constitutional safeguards for the judicial independence, including the mechanism for the qualifications, appointment, removal, security of tenure and remuneration of judges, do not apply in respect of Syariah Courts."

Petikan di atas memberi kesan bahawa kebebasan kehakiman di Mahkamah Syariah tidak dilindungi atau tidak dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, tidak seperti jaminan atau perlindungan yang diberikan kepada Badan Kehakiman pada peringkat Persekutuan.

Kenyataan ini benar. Perlembagaan Persekutuan menyediakan punca kuasa kepada pewujudan Mahkamah Syariah dan bidang kuasanya, tetapi tidak secara langsung menyediakan peruntukan berkaitan kebebasan kehakiman Mahkamah Syariah.

Tiada jaminan kebebasan

Oleh itu saya mengambil pendekatan bahawa alasan penghakiman itu satu cabaran kepada institusi Mahkamah Syariah. Justeru, Mahkamah Syariah hendaklah dibuktikan kebebasannya; hendaklah ditunjukkan bahawa Mahkamah Syariah itu benar-benar bebas dalam pelaksanaan kuasa dan fungsinya.

Oleh kerana Mahkamah Syariah ialah mahkamah pada peringkat negeri, undang-undang negeri hendaklah membuat peruntukan yang boleh menjamin dan melindungi kebebasan kehakiman di Mahkamah Syariah.

Cadangan saya ini bukan hanya semata-mata respons kepada keputusan kes Indira Gandhi, tetapi ia hakikat yang kita perlu terima. Dengan tiada jaminan kebebasan kehakiman kepada Mahkamah Syariah dalam bentuk undang-undang, ia menjadi kesukaran kepada gerak kerja memperkukuh Mahkamah Syariah.

Ini disebabkan kebebasan kehakiman ialah elemen paling utama (fundamental) bagi institusi mahkamah. Ia lebih utama daripada peningkatan gred gaji hakim atau penggunaan teknologi maklumat dalam urusan mahkamah.

Sesungguhnya prinsip kebebasan kehakiman ini ialah perkara asas dalam setiap sistem mahkamah, tidak kira Mahkamah Syariah atau selainnya. Kebebasan kehakiman amat penting kerana segala keputusan mahkamah hendaklah bebas daripada sebarang pengaruh luar yang menjejaskan kualiti penghakiman atau menimbulkan prasangka kepada mahkamah.

Dalam konteks sistem perundangan Islam, kebebasan kehakiman atau dalam istilah bahasa Arab, *istiqlal al-Qada'*, sudah diamalkan oleh Rasulullah SAW.

Pengasingan kuasa

Amalan sistem perundangan secara umum menunjukkan bahawa kebebasan kehakiman terzahir dalam konsep pengasingan kuasa. Tiga organ kerajaan, iaitu Badan Perundangan, Badan Eksekutif dan Badan Kehakiman diasingkan antara satu sama lain.

Dalam sistem Westminster atau sistem British, terdapat pertindihan keahlian dan fungsi antara Badan Perundangan dan Eksekutif, tetapi pertindihan itu tidak berlaku pada Badan Kehakiman.

Badan Kehakiman bebas daripada Badan Perundangan dan Badan Eksekutif dari segi keahlian dan fungsi. Seorang hakim tidak boleh memegang jawatan dalam Badan Perundangan atau Badan Eksekutif.

Pada awal sistem perundangan Islam, oleh sebab keperibadian tinggi Rasulullah SAW, tiada persoalan mengenai pengasingan kuasa, walaupun Baginda adalah ketua kerajaan dan juga menerima wahyu, serta menentukan hukum atau undang-undang melalui sunnah atau hadis.

Konsep pengasingan kuasa mula diperkenalkan ketika pemerintahan Saidina Umar RA sebagai khalifah. Maksudnya, konsep pengasingan kuasa mempunyai asas kukuh dalam sistem pentadbiran Islam, walau mungkin wujud beberapa perbezaan dalam pelaksanaannya.

Selain daripada mengamalkan pengasingan kuasa, bagi menjamin kebebasan kehakiman, beberapa prinsip utama diasaskan pada peringkat antarabangsa. Bagi negara kita, prinsip itu kebanyakannya diisytihar dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kebebasan kehakiman pada peringkat Persekutuan.

Prinsip utama

Antara lain, prinsip termasuklah:

- (1) Kebebasan kehakiman dinyatakan dalam undang-undang tertinggi negara.
- (2) Badan Kehakiman hendaklah mempunyai kuasa ke atas semua kuasa kehakiman.
- (3) Tiada campur tangan dalam proses kehakiman; keputusan mahkamah tidak boleh diubah, kecuali olehnya sendiri.
- (4) Negara hendaklah menyediakan dana mencukupi untuk membolehkan Badan Kehakiman berfungsi dengan baik.
- (5) Hakim mempunyai kebebasan bersuara.
- (6) Kelayakan, pemilihan dan latihan hakim dinyatakan dalam undang-undang.
- (7) Mempunyai undang-undang yang jelas dan mencukupi untuk menjamin jawatan, perkhidmatan dan tempoh jawatan hakim.
- (8) Hakim mempunyai hak ke atas jawatannya sehingga umur persaraan yang dinyatakan dalam undang-undang.
- (9) Hakim terikat dengan kerahsiaan profesional.
- (10) Hakim mempunyai imuniti peribadi terhadap tugas rasminya.
- (11) Hakim tertakluk kepada disiplin yang ketat dan etika yang wibawa.
- (12) Hakim hendaklah tertakluk kepada penggantungan kerja atau pemecatan hanya atas sebab-sebab ketidakupayaan atau tingkah laku yang menyebabkan mereka tidak layak untuk melaksanakan tugas mereka.
- (13) Semua prosiding tatatertib, penggantungan atau pemecatan hakim hendaklah ditentukan oleh undang-undang.
- (14) Keputusan dalam prosiding tatatertib, penggantungan atau pemecatan mestilah tertakluk kepada semakan bebas serta hakim diberikan hak untuk didengar dengan adil.

Hanya sebahagian kecil daripada prinsip di atas ada berkaitan Mahkamah Syariah dalam undang-undang pentadbiran agama Islam.

Oleh sebab sistem Mahkamah Syariah juga tertakluk kepada perundangan negara, ia juga perlu mentaati prinsip asas kebebasan kehakiman berkenaan.

Bagi menjamin kebebasan kehakiman di Mahkamah Syariah, Perlembagaan negeri hendaklah dipinda dengan memasukkan peruntukan berkaitan.

Pemecatan hakim

Ini termasuk perkara berkaitan syarat dan proses lantikan, security of tenure atau jaminan perjawatan, (termasuk jaminan jawatan, umur perkhidmatan dan persaraan serta saraan atau gaji hakim), jaminan mengenai penghormatan terhadap mahkamah (termasuk kuasa hakim berkenaan penghinaan terhadap mahkamah), tindakan disiplin dan pemecatan hakim.

Bagi prinsip Security of Tenure, hakim tidak boleh lagi memegang jawatan sebagai penjawat awam yang kedudukannya sama seperti penjawat awam lain.

Ia boleh dikiasakan kepada Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai peruntukan berkaitan mahkamah pada peringkat Persekutuan.

Sebagai rumusan, disarankan supaya setiap negeri memasukkan peruntukan berkaitan dalam Perlembagaan negeri masing-masing bagi menjamin kebebasan kehakiman dalam sistem perundangan pada peringkat negeri.

Walaupun Perlembagaan negeri bukan undang-undang tertinggi negara, tetapi ia undang-undang yang membentuk sesebuah negeri dan undang-undang utama bagi negeri.

Sewajarnya, undang-undang tertinggi bagi negeri itu mempunyai peruntukan mengenai kebebasan kehakiman di Mahkamah Syariah.

Seterusnya, berpunca kuasa daripada peruntukan Perlembagaan negeri, hendaklah dibentuk undang-undang dan kaedah pentadbiran bagi pelaksanaannya di Mahkamah Syariah.

Juga menjadi kemestian bagi negeri untuk mempunyai suatu undang-undang khusus bagi penubuhan Mahkamah Syariah dan tidak lagi menumpang dalam peruntukan undang-undang pentadbiran Islam.

Penulis adalah **Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia**

737 dibaca

Berita Berkaitan

Teori Faham Perlembagaan Islam, Barat (/node/33088)

(/kolumnis/2018/03/399660/perbetulkan-istilah-takrifan-kurang-tepat)

Perbetulkan istilah, takrifan kurang tepat (/kolumnis/2018/03/399660/perbetulkan-istilah-takrifan-kurang-tepat)

Undang-undang mesti selaras Perlembagaan (/node/17272)

Memahami konsep kedaulatan undang-undang (/node/53148)

Bila demokrasi ancam kedaulatan undang-undang (/node/55990)

(/node/35620)

Islam pelopori kedaulatan undang-undang (/node/35620)

(/rencana/muka10/2018/07/451422/elak-konflik-mahkamah-syariah-jabatan-mufti)

(/node/270308)

Elak konflik Mahkamah Syariah, Jabatan Mufti (/rencana/muka10/2018/07/451422/elak-konflik-mahkamah-syariah-jabatan-mufti)

Pindaan RUU 355 selari kehendak al-Quran, sejajar perkembangan masa (/node/270308)

Trending



Lokman pula ditempelak KJ

([\(](https://api.cxense.com/public/widget/click/oV7jXkP2o9lkm3VioLYbagREw8wUVTKfvqX6Q8gEdDscckqSPdzx56R_MNrnKZoYd8DJ3m1DGXdzivS5UTK1iNwebXyi0oZnY9MsYr8SNmgSBVcrymgQcTrNz2QxwWlJmP81QriO_xdUlyXSTP7IAzZJuKCXweYJcABRQTZ7QhvCtGQAS0apsZJRaRpz92kSeowH1HMkzYluyVL-IBxebInKHu89J5fD6c095WntwCYiSqGR9Gw5MHqEucvdiRPIc7OzKtQXAV5DWycWjhyAsC_GpMrrdMEb1cGfwwd_kimqw1OXiOfJURqJ7x_xUr9vOo6QukeZSEd5uAKIfiFH2RKnJRUJ_-Bs6tfoA0dx3qRTtfHmkrzKCBAGBKYirzoCH1oJ6xgXgZEswAsqmF0Pf7X10KtxO0hg4xBCWYJsbP7WINJ1tRH XN9TDfI28ePoNa5MQ9W-KRPzH_42XOQXEaF5TKYVJuUOvQcEj_gJLtbys9gC83z-wnM1yE9QTHKtK5xIWagZADA3feDjh8qi7hYkxI2BVEDKykfjcEX-XUtzkb1fjmw2_UVMW0ks9WH3eBLTGTyUqI0))</p></div>
<div data-bbox=)

Pembantu tadbir PTG kena bunuh, bakar

([\(\[Wee Ka Siong dipilih Presiden MCA\]\(https://api.cxense.com/public/widget/click/CPsZW_i1ijLUjd3MgNCXdpypgEwHe9cvtjEJ9oqbP_jkv0kcmMY6APoz-xI85WExETSfyuhNDxc6_PqJUvTTM5F1Pr2QY7wmlwO5GtHC8bhLJsSbkifxGKnik7Lmwk42MN30qLq_SMfUgQJULtitzXEmAHTpRacHTVpZGQv7dE1tstVksVUIIzJLj-9vYCWf1L0bv91bbqWiknp5dC0maOBK5W_hBxLPwSRwCQQU-ikjQ081U24RQXYTG5PU6THExw_aSBpSphDFsif3eJrsj9VQ4UMRQRsa3Y2PP3NLr1JZlcCGBv322odPLHKgceWW4b_6q8HYTdfhXPzoAb8ldgMjxd3Y6q2gK43X9HbBG4V4ovOLlSt54EFBR2pS_TsiwImdwRrg8Bdd5gGApAmb9Bz84M91oRqpmBVM9JuhbGY8XyWlsRBJA21Hvcw4EwEuFrSFPpRAUPhfttm2PzKp8Vc-31B0nxtUpY16shPTCMNVGbtTD_AIP6Fuc78C4as891lvuKs5_nofDmuZG36_OrVc_MSlaCjUH5W3fKNdNltgtgHFt9u88ijZn8e01plEka2NYKac0\)\)</p></div>
<div data-bbox=\)](https://api.cxense.com/public/widget/click/CPsZW_i1ijLUjd3MgNCXdpypgEwHe9cvtjEJ9oqbP_jkv0kcmMY6APxI85WExETSfyuhNDxc6_PqJUvTTM5F1Pr2QY7wmlwO5GtHC8bhLJsSbkifxGKnik7Lmwk42MN30qLq_SMfUgQI9vYCWf1L0bv91bbqWiknp5dC0maOBK5W_hBxLPwSRwCQQU-ikjQ081U24RQXYTG5PU6THExw_aSBpSphDFsif3eJrsj9VQ4UMRQRsa3Y2PP3NLr1JZlcCGBv322odPLHKgceWV4ovOLlSt54EFBR2pS_TsiwImdwRrg8Bdd5gGApAmb9Bz84M91oRqpmBVM9JuhbGY8XyWlsRBJA21Hvcw4EwEuFrSFPpRAUPhfttm2PzKp8Vc-31B0nxtUpY16shPTCMNVGbtTD_AIP6Fuc78C4as891lvuKs5_nofDmuZG36_OrVc_MSlaCjUH5W3fKNdNltgtgHFt9u88ijZn8e01plEka2NYKac0))</p></div>
<div data-bbox=)

(https://api.cxense.com/public/widget/click/CqpgQKfoB0ZQ5nMUBL6IFpU1I9Nyfs9IAHK9ywlN8RCIxK_t7ECgKjxmcbGpcor-)